

Larry Sng Nafi SWP Amal Politik "Towkay"
Bernama
5 Ogos, 2012

KUCHING, 5 Ogos (Bernama) -- Presiden Parti Pekerja Sarawak (SWP) Larry Sng hari ini menafikan parti yang baru ditubuhkan itu mengamalkan politik "towkay" seperti yang didakwa sesetengah ahli politik.

Bekas menteri muda itu berkata SWP ditubuhkan untuk berkhidmat kepada rakyat dengan menyalurkan dana pendidikan serta memberi liputan insurans kepada anggotanya, selain ingin menambah baik sistem penyampaian pembiayaan kerajaan, memerangi rasuah dan meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran kerajaan.

"Kami mahu semua rakyat Sarawak menikmati kemakmuran. Kami bersikap mesra perniagaan dan lebih penting, mesra rakyat," kata Sng melalui tampalan terbaru dalam laman Facebooknya.

Sng, 33, yang meletak jawatan sebagai penasihat khas (hal ehwal belia) kepada kerajaan negeri apabila dilantik sebagai presiden parti itu pada Mei tahun ini, berkata walaupun SWP sebuah parti mesra Barisan Nasional (BN), ia akan bertanding menentang parti komponen BN, Parti Rakyat Sarawak (PRS), di kesemua enam kawasan parlimen di negeri ini.

"Kami tak amalkan politik kotor, yang pasti, tidak amalkan politik "towkay" dan akan menyuarakan isu yang menjejaskan rakyat daripada semua kaum dan lapisan masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685741>